

>> Alang dari Universiti Multimedia raih pingat emas compound lelaki selepas kumpul 663 mata

05-02-2018

arena

79

HARIAN METRO

Panahan emas Nur Aina

Status bukan pilihan beri kelebihan kepada pemenang UNISZA dalam acara compound wanita

Mohd Khairie Khalid
khalrie@bh.com.my

Kuala Lumpur

Satus bukan pilihan buat Nur Aina Yasmine Halim untuk muncul pemenang pingat emas acara compound individu wanita pada temasya Sukan Institusi Pendidikan Tinggi (SUKIPT) 2018, semalam.

Penuntut Universiti Sultan Zainal Abidin (UNISZA) itu juga menang mengawal sasaran walaupun tiupan angin agak kuat di Stadium Pavillion, Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM).

Kejayaan Aina turut mengecewakan pemenang turnamen, Fatim Nurfarehah Mat Salleh dari Universiti Sains Malaysia (USM) yang hanya menamatkan saingan di kedudukan keempat dengan 339 mata.

"Saya bukan seorang atlet

kebangsaan dan tampil sebagai pemenang bukan pilihan di sini. Tapi saya berpegang kepada prinsip semula orang boleh mendapatkan pingat, jadi saya bersaing tanpa memikirkan orang lain.

"Tak sangka juga boleh menang hari ini kerana tiupan angin agak kuat pada pusingan kedua. Ramai yang kecundang tapi saya hanya kekalkan momentum serta buat panahan dengan tenang," kata Aina.

Athlet berusia 22 tahun itu berkata, dia sudah mencapai sasarannya untuk meraih satu pingat emas di SUKIPT, namun menjadi bonus buatnya jika mampu menambah kilauan emas dalam acara lain selepas ini.

Sementara itu, pingat emas compound lelaki menjadi milik Alang Arif Aqil Muhammad Ghazali dari Universiti Multimedia yang mengumpul 663 mata.

Menurut Alang dia keting-

galan dan berasa agak tertekan pada peringkat awal tetapi kembali memperkemas panahannya untuk memastikan kemenangan.

"Ini perlawanan pertama dan emas pertama buat saya. Kejayaan ini milik saya selepas mulai bangkit ketika prestasi tidak memberangsangkan di awal perlawanan.

"Selepas SUKIPT saya akan menyertai perlawanan percubaan Sukan Asia di Jakarta pada 8 Februari kerana ia salah satu medium pemilihan atlet untuk ke Sukan Asia," katanya.

Tak sangka juga boleh menang kerana tiupan angin agak kuat
Nur Aina
Yasmine Halim



ALANG (kanan) dan Nur Aina memamerkan pingat emas dimenangi di SUKIPT.